

KISAH KEJAYAAN CELIK IT

Maklumat Individu/ Organisasi	<table><tr><td>Nama</td><td>Assharaff Khan Bin Abdul Khanan</td><td>Umur</td><td>16 Tahun</td></tr><tr><td>Email</td><td>Assharaff14@gmail.com</td><td>No. Telefon</td><td>013-5029605</td></tr><tr><td>Alamat</td><td>No.241 Felda Sebertak, 28200 Bera, Pahang</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>11/1/2016</td></tr></table>	Nama	Assharaff Khan Bin Abdul Khanan	Umur	16 Tahun	Email	Assharaff14@gmail.com	No. Telefon	013-5029605	Alamat	No.241 Felda Sebertak, 28200 Bera, Pahang	Tahun menjadi Ahli PI1M	11/1/2016
Nama	Assharaff Khan Bin Abdul Khanan	Umur	16 Tahun										
Email	Assharaff14@gmail.com	No. Telefon	013-5029605										
Alamat	No.241 Felda Sebertak, 28200 Bera, Pahang	Tahun menjadi Ahli PI1M	11/1/2016										
Kisah kejayaan	<u>Latar belakang</u> Assharaff Khan merupakan seorang pelajar tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Bera Bandar 32. Beliau telah menjadi ahli Pi1m sejak awal tahun 2016. Assharaff juga baru berpindah ke SMK Bera pada awal tahun lepas. Beliau juga merupakan pelanggan tetap di Pi1m Bandar 32 dan baru sahaja mengambil keputusan PT3 pada tahun lepas. Beliau berjaya mendapat 6A dalam peperiksaan tersebut. Beliau juga merupakan seorang yang aktif di sekolah dalam aktiviti debat, syarahan dan kepimpinan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). <u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u> Sebelum penglibatannya bersama Pi1m beliau agak sukar untuk mendapatkan perkhidmatan komputer dan internet memandangkan beliau tinggal di asrama. Beliau sudah boleh menggunakan komputer tetapi tidak begitu cekap. Bagi menyiapkan kerja kursus agak sukar untuk beliau melayari internet. <u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u> Sepanjang tahun 2016, beliau sangat sibuk dalam menyiapkan kerja kursus dan mengulangkaji pelajaran di Pi1m memandangkan beliau bakal menghadapi peperiksaan PT3. Perkara ini menyebabkan beliau sentiasa memerlukan perkhidmatan komputer dan internet bagi menyiapkan tugas atau kerja kursus yang diberikan. Untuk membolehkan beliau mendapat band 6 dalam setiap mata pelajaran yang diambil beliau harus menyiapkan tugas dengan cemerlang disamping mengulang kaji pelajaran. Bahan dari internet boleh menjadi panduan kepada beliau dalam menyiapkan kerja kursus yang telah diberikan. Jadi Pi1m adalah medan untuk beliau menyiapkan setiap kerja kursus dengan berpanduan kepada internet. Beliau juga sering menggunakan internet bagi mencari bahan untuk pertandingan debat. Setelah mengikuti beberapa kelas di Pi1m Bandar 32 beliau sudah mampu mengaplikasikan apa yang diajar di dalam kelas asas Microsoft seperti Microsoft Word, Powerpoint dan Publisher. Beliau juga sudah boleh menghasilkan video menggunakan aplikasi Movie Maker.  Antara gambar adik Assharaff Khan menyertai kelas yang diadakan di bilik latihan Pi1M & program yang dianjurkan oleh PI1M.												